

Koperasi perisai ekonomi rakyat hadapi krisis global

MALAYSIA memiliki kekuatan lebih 16,000 buah koperasi berdaftar, dengan jumlah keanggotaannya kini mencecah 7.24 juta orang, yang mewakili hampir satu perempat daripada populasi negara. Angka ini membuktikan bahawa koperasi bukan sekadar organisasi sosial tetapi juga entiti ekonomi yang mempunyai kuasa beli kolektif yang besar. Dengan aset dan modal pusingan yang besar, gerakan koperasi mempunyai kapasiti luar biasa untuk bertindak sebagai penyerap hentakan terhadap tekanan inflasi global yang sering kali tidak menentu.

KOS SARA HIDUP

Salah satu cabaran terbesar dalam krisis ekonomi global adalah kenaikan harga barangan keperluan akibat kos pengangkutan dan harga bahan api yang melambung tinggi. Di sinilah koperasi memainkan peranan strategik melalui penguasaan rantai bekalan.

Koperasi dalam sektor peruncitan dan pertanian berjaya meminimumkan kos dengan menghapuskan peranan orang tengah yang sering mengambil keuntungan berlebihan. Melalui konsep *contract farming*, koperasi memastikan petani mendapat pulangan adil sementara pengguna mendapat harga yang lebih rendah.

Selain itu, pembelian pukal secara konsortium di peringkat kebangsaan membolehkan koperasi memperoleh barangan pada harga borong yang jauh lebih murah berbanding peruncit konvensional. Kelebihan kos ini dipulangkan semula kepada anggota dalam bentuk harga jualan yang rendah dan agihan dividen pada penghujung tahun kewangan. Dalam mendepani krisis minyak dunia, koperasi juga mula meneroka sektor tenaga boleh baharu dan pengangkutan hijau, sekali gus mengurangkan kebergantungan jangka panjang terhadap bahan api fosil yang harganya sering terumbang-ambing di pasaran dunia.

REVOLUSI DIGITAL KOPERASI

Agenda pemerksaan koperasi kini

diperkukuhkan lagi dengan gelombang digitalisasi. Transformasi digital bukan lagi satu pilihan, tetapi keperluan untuk kekal kompetitif. Penggunaan platform e-dagang milik koperasi sendiri serta integrasi dengan sistem pembayaran digital (*e-wallet*) membolehkan transaksi dilakukan dengan lebih pantas, telus, dan efisien. Digitalisasi juga membantu dalam pengurusan inventori yang lebih tepat, mengurangkan pembaziran, dan membolehkan data raya (*big data*) digunakan untuk meramal trend permintaan pengguna.

Dengan teknologi-teknologi ini, produk keluaran usahawan koperasi luar bandar kini tidak lagi terhad kepada pasaran setempat. Melalui platform digital, produk-produk ini mampu menembusi pasaran bandar malah ke peringkat antarabangsa. Ini secara tidak langsung meningkatkan pendapatan anggota koperasi dan mengukuhkan kedudukan ekonomi Malaysia di persada global, walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi pasaran yang mencabar.

Secara keseluruhannya, gerakan koperasi adalah instrumen demokrasi ekonomi yang paling efektif untuk merapatkan jurang pendapatan dan membasmi kemiskinan tegar. Gabungan antara kuasa beli berjuta-juta anggota, adaptasi teknologi digital, serta sokongan pendidikan dan bimbingan yang mantap daripada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) membentuk satu formula ampuh dalam mendepani apa jua krisis ekonomi global.

Apabila setiap koperasi berfungsi dengan cekap, berilmu, dan berdaya saing, ia bukan sahaja memperkasakan ekonomi anggotanya, malah menyumbang secara signifikan kepada kestabilan dan kemakmuran ekonomi nasional. Koperasi bukan sekadar warisan masa lalu, tetapi ia merupakan tunjang masa depan ekonomi Malaysia yang lebih adil, inklusif dan berdaya tahan.

KHAIRUL AKMAL SAIM

Perpustakaan Tan Sri Noh Omar
Institut Koperasi Malaysia (IKMa)



KOPERASI dalam sektor peruncitan dan pertanian berjaya meminimumkan kos dengan menghapuskan peranan orang tengah yang sering mengambil keuntungan berlebihan.